

16/05/2000

Agensi kerajaan gagal wujud majlis bersama

Shamshul Azree Samshir

IPOH, Isnin - Cuepacs mendakwa hampir 70 peratus daripada jabatan dan agensi kerajaan di negara ini belum menubuhkan majlis bersama membabitkan ketua jabatan serta wakil kesatuan sekerja walaupun sudah diarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Berikutan itu, banyak masalah membabitkan kakitangan sektor awam tidak dapat diselesaikan, termasuk kes penganiayaan serta sikap ego sesetengah ketua jabatan yang enggan mengiktiraf hak kakitangan bawahannya.

Cuepacs menyifatkan, kegagalan menyelesaikan rundingan secara bersama menyebabkan segelintir kakitangan sektor awam memilih untuk `menyalurkan' rasa tidak puas hati melalui parti pembangkang hingga mereka bertindak menentang kerajaan.

Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam, berkata arahan JPA yang mahu setiap jabatan dan agensi kerajaan menubuhkan majlis bersama gagal dilaksanakan walaupun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunjukkan sikap terbuka untuk berunding dengan kesatuan sekerja.

"Perdana Menteri boleh bertemu Cuepacs antara lima kali hingga enam kali setahun tetapi di peringkat bawah, sesetengah ketua jabatan langsung tidak mempunyai masa bertemu pemimpin kesatuan," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Siva Subramaniam berkata, kegagalan kakitangan sektor awam menyelesaikan masalah dengan majikan melalui majlis bersama mengakibatkan segelintir daripada mereka bertindak di luar batasan.

"Fungsi majlis bersama amat penting bagi menyelesaikan masalah kakitangan sektor awam.

"Sehubungan itu, kakitangan terbabit tidak perlulah menunggu lima tahun untuk menyuarkan rasa tidak puas hati (dengan menyokong parti pembangkang dalam pilihan raya)," katanya.

Beliau berkata, ada majikan tidak mengiktiraf kesatuan sekerja malah mengherdik kakitangan yang bertindak meminta sokongan kesatuan untuk menyelesaikan masalah tertentu dengan jabatan.

"Itu saya alami sendiri apabila seorang guru yang mahu ditukarkan ke sekolah lain dimarahi kerana bertindak membuat permohonan melalui sokongan kesatuan sekerja," katanya.

Siva Subramaniam berkata, kerajaan wajar menguatkuasakan peraturan mewajibkan kakitangan di semua sektor menganggotai kesatuan sekerja daripada menyertai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mungkin mempunyai agenda menyeleweng.

Katanya, 30 peratus kakitangan sektor awam yang didapati menjadi penentang kerajaan bertindak demikian kerana tidak mendapat gambaran betul mengenai dasar serta projek yang dilaksanakan kerajaan.

Siva menambah, Cuepacs akan mengemukakan laporan kepada Dr Mahathir berhubung tindakan sebuah NGO asing memberi gambaran salah mengenai Malaysia dalam persidangan peringkat Asia, baru-baru ini.

"Wakil Cuepacs yang menghadiri persidangan itu bagaimanapun sempat menjelaskan keadaan sebenar serta fakta tepat kepada semua peserta," katanya.

Beliau berkata, antara fakta salah yang diberi ialah kerajaan memotong gaji kakitangan sektor awam sebanyak 10 peratus, imbuhan perumahan ditarik balik serta kononnya ramai guru ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

(END)

